

Perbahasan Tentang Kebenaran Khulafa' Ar-Raasyidin

r.a.

190. *Imamah* dan *khilafah* yang dijanjikan Allah s.w.t. didalam ayat *istikhlaf* bagi kamu adakah pernah wujud dan terlaksana atau tidak? Jelaskan.¹
191. Kalau terlaksana, adakah ia tepat dengan khulafa' ar-rasyidin atau tepat dengan imam dua belas atau yang lain-lain lagi?
192. Kalau maksudnya ialah imam dua belas, maka tolong ceritakan adakah mereka pernah berkuasa? Dan memperolehi apa yang Allah sebutkan?
193. Kalau kamu kata ia adalah tepat dengan imam dua belas maka itu menyalahi kenyataan. Kerana selain daripada 'Ali dan Hasan tiada imam lain yang berkuasa. Kalau ada terlaksana maka kita dapat tahu bahawa ayat *istikhlaf* ini tidak tepat dengan imam dua belas. Atau Allah maksudkan yang lain. Ataupun janji Allah tidak terlaksana.² Adakah kamu boleh terima begitu? Berikan penjelasan!
194. Mengikut ayat itu, orang yang dijanjikan ialah orang yang beriman dan beramal soleh. Bermakna apa yang dikatakan oleh orang sunni berkenaan khulafa' adalah benar dan menepati realiti. Bagaimana kamu boleh mengatakan mereka itu tidak baik? Kalau tidak baik, bagaimana Tuhan boleh mengatakan mereka baik seperti dalam ayat? Kalau kamu tidak terima begitu maka janji Tuhan terbuti salah.³

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا
يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ.

Ayat ini juga dipanggil sebagai ayat *tamkin* kerana mengambil kira jumlah *وَلَيُمَكِّنَنَّ*. Ayat ini menceritakan janji Allah untuk memberikan kuasa memerintah dan menjadikan agama islam kuat.

² Menurut Ahli Sunnah, apa yang telah Allah janjikan itu telah terlaksana dengan adanya Khulafa'. Dizaman itu, mereka yang berkuasa. Dan Allah telah memantapkan agama islam dizaman mereka.

³ Kebiasaannya mereka akan takwil. Dan takwilan mereka disini ialah kuasa. Kerana dalam ayat itu disebutkan *وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا*. Kalau melihat sejarah imam-imam, mereka hidup dalam ketakutan. Bukan takut bertukar kepada kedamaian dan keamanan. Sehingga perlu bertaqiyah. Pada zaman 'Ali pun tidak tenteram begitu juga Hasan yang menyerahkan kuasa kepada Mu'awiyah yang jahat mengikut sejarah kamu. Hatta Husin sekalipun tidak memerintah kerana terbunuh.

195. Janji Allah ini adalah berdasarkan kesempurnaan ilmu ghaibnya. Itulah yang membezakan antara pencipta dan yang diciptakan. Kalau apa yang Tuhan beritahu itu tidak tepat, bermakna ilmu Allah ada kekurangan. Apakah kata kamu?⁴

196. Bagaimana janji Allah dengan para Nabi yang lain terbukti benar. Tetapi apabila tibanya zaman Nabi s.a.w. janji itu menjadi salah dan tidak tepat. Sebagai contoh :

- Allah berjanji Adam a.s. menjadi khalifah.⁵
- Allah berjanji dengan Ibrahim a.s. hendak menjadikannya sebagai Imam.⁶
- Allah berjanji bahawa Thalut menjadi raja. Walaupun asalnya dia hanyalah orang biasa.⁷
- Ibu Musa bertemu dengan anaknya kembali dan Musa akan mendapat kenabian.⁸

Tetapi apabila dengan Nabi kita, janjinya tidak tepat. Bagaimana boleh berlaku sedemikian?

197. Kalau yang dimaksudkan dengan ayat *istikhlaf* seperti yang ditakwil oleh syi'ah, katanya bahawa ianya adalah istikhlaf 'Ali. Pertamanya dakwaan kamu bahawa 'Ali pemimpin selepas Nabi s.a.w. adalah bercanggah dengan kenyataan. Dan ini tidak tepat. Keduanya Allah telah menggunakan *dhamir* هم yang menunjukkan kepada ramai, bukan 'Ali dan Hasan sahaja. Jika kamu beralasan bahawa disini digunakan majaz, maka nyatakan bukti penggunaan atau *qarinah* yang menunjukkan bahawa *dhamir* هم disini digunakan sebagai majaz.

198. Kalau kita kata ayat ini mensabitkan *khilafah* 'Ali, dimanakah ayat yang membuktikan *imamah*?⁹

⁴ Menurut Ahli Sunnah, ayat ini diisytarkan kepada sahabat kerana ayat ini turun pada zaman Nabi s.a.w. yang mana pada ketika itu tiada lagi pemerintahan. Kemudian terbukti seperti yang kita terima iaitu islam menjadi kuat.

⁵ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

⁶ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا

⁷ إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَالُوتَ مَلِكًا

⁸ وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ أُمِّ مُوسَىٰ أَنْ أَرْضِعِيهِ فإِذَا خِفْتِ عَلَيْهِ فَأَلْقِيهِ فِي الْيَمِّ وَلَا تَخَافِي وَلَا تَحْزَنِي إِنَّا رَادُّوهُ إِلَيْكَ وَجَاعِلُوهُ مِنَ الْمُرْسَلِينَ

⁹ Didalam kitab syi'ah disebutkan bahawa antara syarat hendak menjadi imam ialah menguasai seluruh bumi.

199. **منكم** dalam ayat ini ditujukan kepada siapa? Kalau kita kata bahawa ia ditujukan kepada orang islam hingga ke tahun 7 hijrah.¹⁰ Maka selain daripada 'Ali, ayat itu tidak tepat untuk ditujukan kepada mana-mana imam selain 'Ali. Bagaimana imam-imam selain 'Ali hendak termasuk dalam ayat ini jika lahir selepas tahun ini?

200. Kalau kamu tetap mengatakan bahawa ayat *istikhlaf* untuk imam-imam kamu bukan 'Ali sahaja. Buktikan negeri atau kawasan mana yang ditakluk dibawah kekuasaan mereka semasa mereka memerintah.

201. Dan jika kamu tetap hendak mengatakan bahawa imam dua belas yang dimaksudkan dalam ayat itu adalah mereka. Maka dalam ayat itu disebutkan bahawa akan ditukarkan ketakutan kepada keamanan. Tolong jelaskan siapakah imam-imam yang menepati ayat ini?¹¹

202. Kalau kita kata bahawa ayat ini turun pada tahun yang ke 7 hijrah atau sebelumnya lagi, maka tiada hasilnya. Kerana kamu tidak menerima khulafa' ar-rasyidin. Kalau kamu hendak mengatakan bahawa ayat ini terikat sehingga hari kiamat, maka tidak boleh. Kerana kamu hadkan imam kepada dua belas sahaja dan ianya sudah berakhir.¹²

203.

204. Bagaimana kita hendak menganggap peperangan pada zaman Husain?

205. Dalam Quran disebutkan :

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا لَنُبَوِّئَنَّهُمْ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً

Maksudnya : "Orang-orang yang berhijrah kerana Allah selepas mereka dizalimi, kami akan berikan kedudukan yang baik dalam dunia."

¹⁰ Kelahiran Hasan bukan pada tahun yang ketiga hijrah seperti dalam kitab-kitab yang telah diseleweng faktanya. Tetapi pada tahun ketujuh hijrah.

¹¹ Mengapa perlu bertaqiyah? Ini menunjukkan bahawa mereka dalam keadaan tidak aman.

¹² Jika kamu mengatakan Imam Mahdi masih ada maka dimanakah dia? Tidak wujudnya dia itu seolah-olah menunjukkan dia takut. Dimanakah keamanannya? Bila dia berkuasa? Naib imam sahaja yang berkuasa. Naib imam tidak termasuk dalam ayat ini. Sesetengah ulama' syi'ah mendakwa bahawa ayat ini menepati zaman Imam Mahdi. Jika begitu, bagaimana dengan zaman 'Ali? Jika kamu mengatakan bahawa ayat ini menepati 'Ali dan Imam Mahdi maka zaman 'Ali tidak seaman zaman lain. jika zaman 'Ali kamu boleh terima dengan keadaan begitu, mengapa kamu tidak boleh menerima zaman yang lebih aman daripadanya?

Didalam kitab tafsir syi'ah Hasyiah Maqbul karangan Maqbul Ahmad disebutkan riwayat daripada Ja'far As-Shadiq yang menunjukkan bahawa orang yang berhijrah dan dizalimi itu, itulah yang dimaksudkan. Iaitu kemenangan mereka.

Selain daripada 'Ali tiada imam lain yang berhijrah. Sedangkan dalam ayat tadi disebutkan dengan kalimah *jama'* pada semua kalimahnyanya. Dan hanya 'Ali sahaja yang mempunyai sifat yang dikehendaki dalam ayat ini. Ini menunjukkan kebenaran khulafa' ar-rasyidin.

206.

207. Kalau tidak mahu terima bahawa khulafa' ar-rasyidin tidak termasuk dalam ayat ini, bermakna apa yang Allah beritakan tidak betul. Dan jika terima dakwaan kamu maka tidak betul juga kerana tidak menepati kehendak ayat. Melainkan jika terima pendapat Ahli Sunnah.

208. Kalau kita terima ayat *istikhlaf* menepati ayat *muhajirin* dan *madzumin* telah terlaksana, apa salahnya?

209. Didalam tafsir Qummi dan tafsir Shofi¹³ disebutkan bahawa Nabi s.a.w. ada bersabda : "Abu Bakar akan jadi khalifah selepas aku, selepasnya Umar." Maka Hafsa bertanya : "Ya Rasulullah! Siapa yang memberitahu kamu begitu?" Jawab Baginda : "Allah yang memberitahu."

Persoalannya ialah mengapakah kamu masih berkeras dalam keadaan ulama-ulama kamu meriwayatkan hadis begini? Bukankah apa yang Nabi s.a.w. sampaikan ini telah berlaku dan benar? Mengapa kamu tidak menerimanya? Sedangkan Nabi s.a.w. sendiri yang meriwayatkan.

210. Kalau kita mengatakan bahawa kenyataan ini tidak benar, bermakna apa yang Nabi s.a.w. sampaikan itu satu kekurangan.¹⁴

211. Kalau kita terima sementara bahawa janji Allah itu tidak termasuk tiga khalifah selain 'Ali. Dan mengikut kitab kamu imam-imam tidak dapat menegakkan agama Allah kerana sering bertaqiyah. Bagaimana dengan keadaan agama yang sedemikian rupa tersebar

¹³ Kedua-duanya ialah tafsir yang mu'tabar dikalangan syi'ah. Dan tafsir Qummi adalah tafsir mutaqqadimin.

¹⁴ Ada dikalangan syi'ah yang menjawab bahawa apa yang Nabi s.a.w. sebutkan itu berkaitan dengan khalifah, bukan imamah. Kalau begitu mengapa Nabi s.a.w. tidak menyebutkan imamah? Jika kamu mengatakan bahawa kamu tidak menerima khalifah bermakna kamu tidak mengikut Nabi s.a.w. kerana Baginda menerima khalifah. Kemudian kenyataan Nabi s.a.w. disini ialah sesuatu yang mengembirakan dan besar. Kalau tidak, Baginda tidak akan menyebutkannya.

keseluruh dunia? Adakah islam berkembang pesat dengan keadaan begitu pada zaman khalifah?

212. Agama islam ini dipanggil dengan agama yang benar atau tidak? Kalau benar maka mesti terima bahawa agama yang sampai melalui khulafa' kepada kita adalah yang benar. Sebab juga benar.¹⁵

213. Kalau agama islam tidak layak dipanggil dengan agama yang benar maka cuba ceritakan agama mana yang benar? Yang mana Allah janji akan tersebar keseluruh dunia. Siapa atau golongan mana yang menepati janji Allah?

214. Adakah kamu menerima bahawa muhajirin dan ansar sebagai anggota majlis syura yang mana keputusannya mesti diterima?

215. Kalau terima, mengapa kamu tidak mahu menerima masalah khilafah? Sedangkan mereka menerimanya.

216. Kalau tidak mahu menerima muhajirin dan ansar sebagai anggota majlis syura, mengapa Allah memerintahkan Nabi s.a.w. bermesyuarat dengan mereka? **وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ**.

217. Dalam masalah khilafah, keputusan ahli syura yang terdiri dari kalangan muhajirin dan ansar, adakah ianya betul atau tidak?

218. Kalau kamu tidak setuju, mengapa 'Ali setuju?

219. Adakah Allah bersetuju dengan keputusan mesyuarat mereka? Kalau bersetuju, mengapa kamu tidak bersetuju?

220.

221. Apa pandangan kamu tentang ucapan 'Ali dalam Nahjul Balaghah?

فَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَى رَجُلٍ وَسَمَّوْهُ إِمَامًا كَانَ اللَّهُ رَضِيًّا

Bermaksud : "Kalau mereka (muhajirin dan ansar) sudah bersetuju melantik seseorang itu sebagai imam, bermakna disitulah terletaklah keredhaan Allah."

222. Kalau mengikut apa yang kamu katakan bahawa imamah itu dinaskan oleh Allah, apakah maksud ucapan 'Ali?

¹⁵ Sejarah juga telah membuktikan bahawa agama islam kuat diperingkat awal. Jika agama islam tidak benar maka yang tidak benar itu yang kuat. Yang benar dalam keadaan tersorok. Adakah begitu?

223. Kalau imam terpilih dengan perlantikan syura dan mengikut syi'ah ianya tidak betul, mengapa 'Ali tidak tegur?
224. Selepas kematian 'Uthman, bagaimana cara 'Ali dilantik menurut sejarah? Jelaskan.
225. Untuk perlantikan 'Ali sebagai khalifah, adakah ianya hasil persetujuan semua ahli syura ataupun sebahagian sahaja?¹⁶ Kalau kamu mengatakan semua, bawakan dalil.
226. Kalau sebahagian sahaja yang setuju dengan 'Ali dan tidak sebahagian yang lain, tolong kemukakan siapakah yang tidak setuju?
227. Betul atau tidak bahawa orang yang melantik 'Ali sebagai imam atau khalifah, orang-orang itu juga yang telah melantik tiga khalifah sebelum 'Ali? Kalau tidak, kemukakan dalil.
228. Kalau jawabnya ialah orang yang sama, mengapa tidak boleh menerimanya dan menerima hanya pada perlantikan 'Ali? Bahkan yang ini hanya sedikit sahaja.
229. Adakah betul semasa kematian 'Uthman sekian ramai sahabat tiada di Madinah? Kemudian mereka yang berada di Madinah terbahagi kepada tiga kumpulan. Pertama : Mereka yang berbai'ah dengan 'Ali. Kedua : Mereka yang tidak mahu berbai'ah dengan 'Ali. Ketiga : Mereka yang tidak mahu kerana takut. Adakah betul kenyataan ini?¹⁷
230. Kalau betul apa yang disebutkan diatas, bermakna sedikit sahaja yang berbai'ah dengan 'Ali.
231. Kalau dalam keadaan sedikit boleh diterima, mengapa apabila yang ramai berbai'ah kamu tidak terima?
232. 'Ali yang menerima pendapat ahli syura tentang perlantikan khalifah sebelumnya dan melantiknya sendiri, adakah kamu mengatakan mereka "Kaamilul Iman" atau tidak?

ارتدّ الناس بعد النبي صلى الله عليه وسلم إلا ثلاثة نفر

Bermaksud : "Sahabat murtad selepas kematian Nabi s.a.w. melainkan tiga orang sahaja."

Adakah 'Ali bermaksud bahawa orang yang berbai'ah kepadanya hanya tiga orang ini sahaja?

¹⁶ 'Ali mengatakan bahawa sebahagian persetujuan perlantikannya sudah memadai dan sah. Kalau begitu mengapa kamu tidak menerima khalifah yang dipersetujui oleh semua ahli syura?

¹⁷ Menurut sejarah tiada lagi persepakatan perlantikan khalifah yang menyeluruh sama seperti perlantikan 'Uthman.

233. Kalau Abu Bakar telah merampas kuasa daripada 'Ali dan telah menzaliminya, kemukakan dalil berdasarkan kitab Ahli Sunnah berkenaan ini!

234. Kalau mengikut kata kamu, khalifah sebelum 'Ali tidak betul, mengapakah ketika Nabi s.a.w. wafat 'Ali mengatakan begini ketika 'Abbas dan Sufyan kata kepadanya dan mendorongnya supaya menjadi khalifah.

Maksudnya : "Khilafah itu ibarat air yang pahit. Khilafah juga ibarat suapan yang lekat ditekak. Perbandingan orang yang memetik buah sebelum masak sama dengan orang yang menanam ditanah orang lain."¹⁸

235.

236. Apabila orang sepakat berbai'ah dengan Abu Bakar, adakah 'Ali setuju?

237. Kalau 'Ali bersetuju dengan perlantikan Abu Bakar, mengapa kamu tidak setuju?

238. Kalau kamu mengatakan bahawa 'Ali tidak setuju, apa maksud 'Ali mengatakan begini :

رضينا عن الله قضاءه وسلمنا لله الأمر

Maksudnya : "Kita bersetuju dengan keputusan Allah dan kita menerima keputusan Allah."¹⁹

239.

240.

241. Adakah kamu hendak menerima keputusan ijtihad 'Ali, atau tidak? Jika kamu tidak terima, maka kamu tidak beriman dengan *'ismah*.

242. Kalau kamu terima keputusan 'Ali, kamu mesti terima keputusan 'Ali dalam perkara khilafah. Kerana 'Ali ada berkata :

فنظرتُ في أمري فإذا طاعتي قد سبقت بيعتي وإذا الميثاق في عنقي لغيري

¹⁸ Mengapa 'Ali mengatakan sedemikian? Sedangkan apabila sampainya perintah dan tanggungjawab sekalipun dalam keadaan merendah diri maka ia mesti dilaksanakan walaupun tanpa disuruh oleh sesiapa dan tidak boleh menarik diri. Kenyataan ini telah menunjukkan bahawa 'Ali sangat memahami bahawa jawatan khalifah pada masa itu masih belum lagi sesuai untuknya. Sehingga beliau menyamakan seperti menanam ditanah orang lain. Mengapa beliau mengatakan begitu jika jawatan itu memang hak dia?

¹⁹ Syi'ah mungkin menjawab bahawa tidak semestinya keputusan Allah itu sesuatu yang boleh diterima.

Maksudnya : “Saya perhati atau merenung, saya dapati ketaatan saya mendahului bai’ah saya. Dan janji taat setia saya pada orang lain berada ditengkuk saya.”²⁰

243. ‘Ali juga berkata :

أتراني أكذب على رسول الله صلى الله عليه وسلم. والله لأنا أول من صدّقه فلا أكون
أول من كذب عليه

Maksudnya : “Adakah kamu berfikir aku akan berdusta atas nama Rasulullah s.a.w.? Demi Allah! Akulah orang yang mula-mula membenarkannya. Tidak sayugia akulah orang yang mula-mula mendustakannya.”

Jika benar begini yang ‘Ali katakan maka apakah maksud beliau mengatakan sedemikian?²¹

244. Jika di zaman Nabi s.a.w. ‘Ali orang yang mula-mula membenarkan Baginda, pada zaman khulafa’ ar-rasyidin dialah orang yang mula-mula menerima. Adakah ‘Ali hendak menerima kalau sekiranya khilafah sebelumnya bukan khilafah ‘ala minhaj an-nubuwwah?

245. Kalau khalifah tiga sebelumnya tidak benar, mengapa apabila orang meminta berbai’ah kepada ‘Ali selepas kematian ‘Uthman dia mengatakan begini :

دعوني والتمسوا غيري

Maksudnya : “Kamu biarkan aku, dan carilah orang selainku.”²²

246. Kalau orang lain tidak berhak memegang jawatan khilafah itu, mengapa ‘Ali menyuruh para sahabat mencari orang lain untuk memegang jawatan itu?²³

247. Berdasarkan kata-kata ‘Ali diatas, kita dapat tahu bahawa kita kena mencari orang yang layak untuk memegang jawatan itu. Kalau tidak, beliau tidak akan berkata begitu.

²⁰ Syi’ah menjawab bahawa kata-kata yang disebutkan oleh ‘Ali disini kerana beliau dalam keadaan terpaksa. Persoalannya, bukankah ‘Ali seorang yang berani menentang kebathilan? Dan beliau juga terkenal sebagai pahlawan yang berani?

²¹ Tidakkah dengan menolak tiga khilafah sebelumnya sama seperti beliau mendustakan Nabi s.a.w.?

²² Petikan daripada kitab Nahjul Balaghah ini menunjukkan kekarutan yang dipercayai oleh syi’ah.

²³ Ini menunjukkan bahawa jawatan khilafah boleh dipegang oleh sesiapa yang berkelayakan. Dan menurut ‘Ali juga masih ada lagi orang selainnya yang layak memegang jawatan itu. Kerana kalau tidak, dia tidak akan mengatakan sedemikian. Dimanakah kesalahan perlantikan Mu’awiyah? Sedangkan pada ketika itu lagi ‘Ali sudah membayangkan bahawa ada orang yang layak memegang jawatan khalifah.

248. 'Ali juga berkata : "Kamu carilah orang lain, aku akan taat setia kepadanya." Apa makna 'Ali mengatakan sedemikian? Daripada kata-kata 'Ali ini dapat difahami dua perkara. Pertama : Ahlu al-Halli wa al-'aqdi di zaman itu dan sebelumnya memang boleh dipercayai. Kedua : 'Ali telah menyatakan persetujuan taat setia kepada mana-mana khalifah yang layak apabila dilantik. Kedua-dua perkara diatas wujud semasa perlantikan tiga khalifah sebelumnya, mengapa kamu tidak mahu menerima khilafah mereka?

249. Adakah 'Ali telah taat kepada khalifah sebelumnya? Kalau kamu terima dia taat, mengapa kamu tidak menerima khalifah sebelumnya?²⁴

250. Kalau kita kata 'Ali tidak patut untuk tidak mentaati pemimpin. Apa maksud dia mengatakan,

"Kalau kamu melantik pemerintah lain, akulah orang yang paling taat kepada pemerintah." Adakah 'Ali penipu?

251. Kalau kita mengatakan bahawa 'Ali memang tidak setuju dan bantah. Adakah dia membantah pada semua perkara atau pada sesetengah perkara sahaja? Kemukakan dalil yang sahih bagi kedua-duanya.

252. Kalau kita mengatakan bahawa 'Ali memang tidak setuju semua perkara, mengapa dia terima Quran sepertimana yang dipersetujui oleh Abu Bakar, 'Umar, 'Uthman dan lain-lain sahabat lagi?²⁵

253. Mengapa 'Ali selalu menaiki mimbar yang mana apabila orang lain ada urusan, dia akan menaiki mimbar yang sama?

254.

²⁴ Khumaini menulis sebuah buku yang bertajuk Al-Hukumah Al-Islamiyyah. Didalamnya beliau hanya menyebutkan pemerintahan Nabi s.a.w. dan 'Ali sahaja. Ini menunjukkan syi'ah tidak menerima pemerintahan islam sebelum 'Ali. Sedangkan imam pertama mereka menerima baik perlantikan dan pemerintahan Abu Bakar, 'Umar dan 'Uthman. Dan akhir sekali mereka mengatakan bahawa 'Ali bertaqiyah. Begitulah jawapan terakhir bagi mana-mana masalah yang tidak dapat dirungkai.

²⁵ Mengikut syi'ah, 'Ali pernah bawa Quran kepada Abu Bakar dan 'Umar. Apabila dilihat pada helaian pertama, wujudnya kutukan kepada para sahabat. Lalu 'Umar bertanya : "Ini apa?!". Lalu 'Ali mengambilnya semula dan menjawab : "Aku sudah mengetahui bahawa kamu tidak akan menerimanya. Aku tunjuk kepada kamu sebagai hendak menyempurnakan hujjah sahaja. Selepas ini, Quran ini tidak akan berada ditangan kamu dan sesiapa. Ia akan diwarisi oleh anak cucuku." Bermakna, 'Ali telah menyorokkan Quran yang sebenar. Adakah begini caranya seseorang yang mengasihi seseorang yang lain? mengapa Quran yang dianggap yang benar itu tidak disebarkan?

255. Selepas itu kamu beralasan mengapa perlantikan Abu Bakar tidak diterima. Sebab pada ketika itu bukan semua orang berkumpul,²⁶ ada sesetengah sahaja yang ada. Kalau kamu hendak mengatakan begitu, 'Ali juga begitu juga keadaannya, mengapa kamu boleh menerima perlantikan 'Ali, tidak Abu Bakar?

256.

257. Kalau kamu menjawab tidak boleh kerana tidak semua orang yang berbai'ah. Apa makna 'Ali mengatakan begini :

“Kalau hendak memegang jawatan imamah, maka mestilah dihadiri oleh semua orang dan tidak memadai dengan orang yang dipercayai sahaja. Maka tiada pilihan bagi yang orang yang hadir untuk menarik balik dan tiada pilihan juga bagi yang tidak hadir untuk membuat pilihan jika Ahlu al-Halli wa al-'aqdi atau majlis syura membuat pilihan.”

258. Berdasarkan Nahjul Balaghah muka surat 50 jilid 1. Beberapa perkara berikut memang jelas ada.

- Pemerintahan tiga khalifah sebelum 'Ali adalah benar.
- 'Ali berpuas hati dengan keputusan ahli syura.
- 'Ali berkata begitu dengan maksud supaya tidak ada sesiapa pun meragui pemerintahan tiga khalifah sebelumnya.

259. Tolong ceritakan, adakah pemerintahan ini ada kena mengena hubungan kekeluargaan dengan pemimpin sebelumnya atau tidak?

260. Kalau imamah ada berkait dengan pertalian darah, maka apa maksud kata 'Ali ini?

إِنَّ أَحَقَّ النَّاسِ بِهَذَا الْأَمْرِ أَقْوَاهُمْ عَلَيْهِ وَأَعْلَمُهُمْ بِأَمْرِ اللَّهِ فِيهِ

Maksudnya : “Jawatan khalifah ini lebih berhak dipegang oleh orang yang paling kuat dikalangan mereka untuk mengendalikannya dan orang yang paling mengetahui tentang perintah Allah berkaitannya.”²⁷

261. Kalau tidak ada kena mengena dengan pertalian darah maka tidak ada lagi perselisihan dan sebab untuk membantah. Mengapa masih membantah?

262. Adakah para sahabat Nabi s.a.w. beriman?

²⁶ Bukan semua orang disini ialah kecuali Tha'qifah Bani Sa'idah sahaja. Adapun selepas itu, semua orang mukmin berbai'ah dengannya. Tiada yang berkecuali. Termasuk 'Ali.

²⁷ Disini tidak disebutkan tentang pertalian darah atau kekeluargaan.

263. Kalau kamu mengatakan sebahagian daripada mereka beriman, bermakna kebanyakannya tidak beriman. Kemukan dalil dan sebutkan nama mereka.

264. Mana-mana sahabat yang tidak beriman, adakah mereka ini beriman pada zaman Nabi s.a.w. atau tidak? Ataupun mereka tidak beriman selepas wafatnya Baginda? Cuba beritahu dan mengapa?

265. Kalau kamu menurut aqidah kamu, mereka tidak islam sejak zaman Nabi s.a.w. lagi. Tolong jawab berkenaan ayat ini.

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آوَوْا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ
حَقًّا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ

266. Tuhan yang Maha Mengetahui sudah memberitahu bahawa mereka adalah sebenar-sebenar mukmin, mengapa kamu tidak mahu menerima?²⁸

²⁸ Jika kamu menjawab bahawa mereka murtad selepas kematian Nabi s.a.w. Maka kami ingin bertanya bahawa adakah begitu sifat orang yang dipuji, diiktiraf dan disebut sifat mereka dalam Quran dengan iman yang sebenar-benarnya?